

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN  
(KAMPAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.06.2015**

**Y.B. DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a. bilangan mesyuarat lembaga yang diadakan oleh 1MDB setiap tahun untuk 5 tahun yang lalu; dan
- b. bilangan mesyuarat yang dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Penasihat, Dato 'Seri Najib Tun Razak setiap tahun dan imbuhan tahunan untuk Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pihak pengurusan 1MDB kepada Kementerian Kewangan, bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB sepanjang 5 tahun yang lalu adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah</b>
2009	11
2010	16
2011	13
2012	10
2013	8
2014	14
<b>JUMLAH</b>	<b>72</b>

Mesyuarat Lembaga Penasihat telah diadakan sebanyak dua kali. Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB tidak dibayar imbuhan tahunan atau mengambil sebarang fi, imbuhan atau faedah.